

08/08/1998

Goh perlu tentukan pendirian Singapura

Saodi Mat Atar

SINGAPURA menyambut ulang tahun kemerdekaannya Ahad ini dan banyak pihak tertunggu-tunggu sama ada Perdana Menteri republik itu, Goh Chok Tong, akan membuat kenyataan termasuk mengenai hubungan Malaysia-Singapura.

Goh kebiasaannya berucap panjang lebar menyentuh pelbagai aspek pada perhimpunan rakyatnya beberapa hari selepas sambutan ulang tahun itu, dan kali ini ia mungkin kesempatan terbaik untuknya menyatakan pendirian rasmi Singapura.

Sesungguhnya sehingga hari ini, beliau ternyata tidak menyatakan sebarang pendirian sepanjang timbul isu pemindahan pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Singapura ke Woodlands.

Sebagai pemegang tampuk pemerintahan yang hakiki di Singapura, Goh seharusnya ikut berusaha merungkaikan masalah itu apatah lagi, rakan sejawatannya di Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah beberapa kali menyentuh isu berkenaan.

Malah, kedua-dua pemimpin sudah bersetuju untuk membincangkan sendiri sebarang isu kritikal manakala perkara lain boleh diselesaikan melalui mekanisme di peringkat pegawai tinggi kerajaan di antara kedua-dua negara.

Persetujuan itu dicapai dalam pertemuan lebih 90 minit ketika Goh mengadakan lawatan kerja ke Kuala Lumpur, Februari lalu. Hasil pertemuan itu, Goh mengakui sendiri bahawa hubungan Malaysia-Singapura sudah berada di landasannya semula selepas ketegangan dicituskan oleh bekas Perdana Menteri republik itu, Lee Kuan Yew.

Lantas sikap diam diri Goh menimbulkan persoalan sedangkan Dr Mahathir sekurang-kurangnya sudah tiga kali memberikan pendapat berhubung KIK termasuk ketika dalam lawatan ke Namibia minggu lalu dan berkunjung ke Johor Bahru, Selasa lalu.

Apakah Goh menganggap isu KIK tidak kritikal atau sememangnya isu berkenaan tidaklah begitu penting kepada Singapura kerana kekecohan ini sebenarnya dibayangi soal lain.

Bukanlah rahsia lagi Singapura sentiasa membangkitkan soal bekalan air dari Johor ke republik itu, walaupun dua perjanjian sedia ada masih lagi wujud, lebih-lebih lagi perjanjian kedua pada 1962 hanya akan berakhir pada 2061.

Lebih mengejutkan apabila pemimpin Singapura diingatkan agar sentiasa bersaing dengan Malaysia bagi memastikan republik itu menang dalam semua bidang, bukannya untuk saling melengkapi, sesuatu yang seharusnya ada pada mana-mana negara berjiran.

Peringatan itu terkandung dalam nota taklimat sulit yang diedarkan kepada ahli Parlimen Parti Tindakan Rakyat (PAP) pada April 1997 selepas Lee mencetuskan ketegangan hubungan Malaysia-Singapura dengan melabelkan Johor sebagai tempat yang dipenuhi keganasan.

Mereka bimbang dengan rancangan Malaysia membina pelabuhan, lapangan terbang dan prasarana multimedia akan menyaingi Singapura satu hari kelak, walaupun menyedari kemajuan jiran tetap menguntungkan negara itu.

Tidak cukup Lee menghina Johor dan bukanlah sekali Menteri Kanan Singapura itu yang masak dengan sejarah di antara kedua-dua negara mencetuskan ketegangan, nota itu pula membuktikan Singapura mahu Malaysia kekal mundur, seolah-olah hanya mereka yang berhak maju dan mencari kesejahteraan hidup bagi rakyatnya yang melebihi 3.3 juta orang.

Oleh kerana itulah, Dr Mahathir apabila menyentuh mengenai Singapura dalam ucapannya pada perhimpunan rakyat di Johor Bahru, memulakannya

dengan konsep memakmurkan jiran serta menerangkan bahawa Malaysia tidak mahu bersengketa dengan sesiapa, malah mempunyai agenda lebih besar menangkis serangan pedagang mata wang.

Sekalipun beliau memilih untuk bercakap ringkas mengenai isu KIK itu, tetapi cukup jelas mengenai pendirian Malaysia yang sentiasa mahu berbaik-baik dengan Singapura dan bukan menyainginya, apatah lagi untuk memusuhinya.

"Dasar kita ini memakmurkan jiran, perkayakan jiran kamu, kerana apabila jiran kaya maka kita tak ada masalah. Sebab itu kita berasa sedih apabila timbul ketegangan di antara kita dengan Singapura.

"Kita tak nak bermusuhan dengan mereka, selama ini banyak dagangan kita melalui pelabuhan Singapura, kita cuba sedaya upaya untuk berbaik-baik. Tetapi apakah balasan yang kita terima?

"Saya tidak ada niat membakar hati sesiapa, tetapi ini kenyataan, bertimbang rasalah sedikit, kami bertimbang rasa," katanya.

Bertolak daripada prinsip itulah, Dr Mahathir mengingatkan pemimpin Singapura agar jangan mengambil mudah daripada kebaikan Malaysia dan negara ini hanya meminta layanan yang tidak lebih daripada diberikannya kepada republik itu.

Mustahil pemimpin yang berkuasa hakiki di Singapura, terutama Goh tidak memahami mesej Dr Mahathir itu, apatah lagi, tahun ini saja kedua-dua Perdana Menteri itu bertemu empat kali secara tertutup.

Jadi, apabila Singapura tetap memindahkan operasi KIKnya ke Woodlands mulai 1 Ogos lalu dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negerinya mengeluarkan kenyataan memberi amaran kepada penumpang bahawa mereka akan menghadapi masalah dari segi amalan imigresen antarabangsa, kononnya disebabkan KIK Malaysia kekal di Tanjong Pagar, ia seolah-olah mahu memburukkan keadaan.

Langkah itu juga secara tidak langsung akan menekan Malaysia supaya memindahkan KIKnya ke Woodlands dan akhirnya ke Johor Bahru. Jika itu berlaku, akan muncul tafsiran bahawa tanah KTMB di stesen Tanjong Pagar tidak dimanfaatkan lagi, lantas Singapura berhak mengambilnya mengikut undang-undang negara itu.

Persoalan ini tidak terjawab, sebaliknya Singapura mendedahkan kepada umum mengenai urusan surat-menyurat di antara pegawai tinggi kedua-dua negara berhubung soal KIK, sekali gus bermula perbalahan secara terbuka sesama jiran.

Sebelum itu, ahli sejarah Singapura, Albert Lau menulis sebuah buku yang dihebahkan secara besar-besaran oleh media cetak dan elektronik negara itu, yang mengandungi sejarah Singapura dengan membabitkan ramai pemimpin Malaysia.

Buku bertajuk *A Moment of Anguish: Singapore in Malaysia and the Politics of Disengagement*, dikatakan memaparkan kekeliruan sehingga menjejaskan kredibiliti pemimpin Malaysia ketika kejadian pemisahan Singapura pada 1965.

Karya setebal 300 muka surat itu menggambarkan bahawa pemimpin Malaysia adalah pihak bertanggungjawab dalam mencetuskan rusuhan kaum di Singapura pada 1964, termasuk Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Syed Jaafar Albar.

Semua itu kononnya bertujuan memaparkan fakta, walhal boleh menanam rasa benci kepada Malaysia, tanpa disedari Singapura turut menelanjangkan diri sendiri yang sentiasa berada dalam kebimbangan.

Seperti kata Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, pemimpin Singapura masih terperangkap dalam bayangan ketakutan sekalipun sudah lama berjiran dengan Malaysia, lantas sentiasa menimbulkan isu bagi mendapat sokongan rakyatnya sendiri.

Fenomena itu selaras kandungan nota sulit kepada Ahli Parlimen PAP yang memberi gambaran Singapura sentiasa resah dan gelisah melihat pembangunan

di negara jirannya.

Sebenarnya, banyak lagi yang tersirat dalam hubungan Malaysia-Singapura ini, dan pertelagahan pula semakin terbuka, lantas sudah tiba masanya Goh menerangkan pendirian Singapura dalam tempoh terdekat ini, sejajar semangat persefahaman di antara beliau dan Dr Mahathir.

Pergerakan Pemuda Umno yang meminta Goh bersuara, memetik kedua-dua pemimpin sudahpun bersetuju menyelesaikan enam perkara iaitu kerjasama ekonomi dan kewangan, bekalan air ke Singapura, Tanah KTMB di Singapura, isu Pulau Batu Putih, kerjasama pelancongan dan Majlis Perniagaan Malaysia-Singapura.

Amatlah malang kalau isu membabitkan KIK Tanjong Pagar dibiarkan berlarutan dan tidak terkawal lagi, sehingga hilang pertimbangan bahawa masalah hubungan sesama jiran ini boleh diselesaikan secara rundingan dan penuh timbang rasa serta tanggungjawab.

Lebih buruk lagi, jika isu itu sebenarnya dijadikan umpan oleh Singapura bagi mengheret kepada soal lebih besar, sedangkan setiap isu harus diselesaikan secara berasingan.

(END)